



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN KELANTAN**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
CHE MOHD ZAILANI BIN CHE MOH
TOKOH MAIN PUTERI**

OLEH:

MASIDAYU BINTI FAZIL

2012462648

NURUL NADIA BINTI ISMAIL

2012200004

**PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN**

**BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 -- PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (SEPT 2013 -- JAN 2014)**

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
CHE MOHD ZAILANI BIN CHE MOH
TOKOH MAIN PUTERI

OLEH:

MASIDAYU BINTI FAZIL

2012462648

NURUL NADIA BINTI ISMAIL

2012200004

PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN

BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (SEPT 2013 – JAN 2014)

PENGHARGAAN

Assalamualaikum Warahmatullahiwabarakatuh. Terlebih dahulu kami ingin mengucapkan syukur ke hadrat Illahi kerana dengan rahmat dan hidayah-Nya kami dapat menyiapkan Projek Sejarah Lisan ini dengan jayanya. Kami tidak dapat menafikan bahawa berbagai masalah yang kami hadapi sebelum dan selepas sesi temubual bersama tokoh, namun dengan berkat kesabaran dan pertolongan-Nya, kami dapat mengatasi masalah yang melanda.

Selain itu, kami juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada pensyarah kami untuk subjek Pendokumentasian Lisan, Puan Nor Kamariah Binti Chik kerana telah banyak membantu dan memberi tunjuk ajar kepada kami dalam menyiapkan tugas ini. Beliau juga telah banyak memberi komen dan nasihat yang berguna kepada kami bagi memastikan tugas ini lengkap dan memenuhi ciri-ciri yang diperlukan. Kami juga mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada tokoh sejarah lisan iaitu Che Mohd Zailani Bin Che Moh kerana sudi member kerjasama dan perkongsian ilmu yang sangat bermakna buat kami.

Jutaan terima kasih juga kami ucapkan kepada kedua-dua ibu bapa kami kerana telah banyak memberi sokongan kepada kami sama ada dari segi kewangan ataupun semangat dalam menyiapkan tugas ini. Akhir sekali, kami ingin mengucapkan terima kasih kepada rakan-rakan perjuangan yang banyak memberikan tunjuk ajar dan dorongan sepanjang proses menghasilkan projek transkrip temubual ini.

Sekian terima kasih.

ISI KANDUNGAN

TITLE	PAGE NO
Abstrak.....	i.
Biodata Tokoh.....	ii.
Transkrip	
Bahagian A: Latar Belakang Tokoh.....	1
Bahagian B: Pengalaman Pekerjaan.....	13
Bahagian C: Pencapaian dan Anugerah.....	31
Senarai Soalan.....	37
Log Wawancara.....	43
Indeks.....	48
Rujukan.....	49
Lampiran.....	50
Surat kebenaran	
Surat Perjanjian	
Gambar	

ABSTRAK

Abstrak : *Transkrip ini mengandungi temubual bersama Che Mohd Zailani Zailani Bin Che Moh mengenai kerjaya beliau dalam bidang main puteri. Transkrip temubual ini dijalankan di atas pentas pertunjukan main puteri bersebelahan dengan rumah beliau di Kampung Gual Jedok, Tanah Merah, Kelantan, pada 17 Oktober 2013 bermula pada pukul 9.00 malam. Beliau merupakan tokoh yang masih aktif hingga kini dalam bidang main puteri ini, beliau adalah di antara tiga kumpulan yang terkenal di negeri Kelantan. Beliau menubuhkan kumpulan yang dipanggil kumpulan Abang Mat Jedok. Transkrip ini menyentuh serba sedikit mengenai latar belakang beliau, serta pengalaman-pengalaman beliau dalam bidang ini sepanjang penglibatan beliau, beliau bukan sahaja terkenal di Kelantan, malah terkenal di luar Malaysia, iaitu di Thailand. Beliau juga pernah mengadakan pertunjukan main puteri ini yang bertempat di Istana Budaya. Di samping itu juga beliau juga turut memberikan sedikit pendapatnya bagi memperkasakan bidang ini daripada terus pupus ditelan arus zaman, khususnya di Malaysia.*

Kata kunci : *Che Mohd Zailani Bin Che Moh, Main Puteri, Tok teri, Kementerian Kesenian dan Kebudayaan, Malaysia.*

Petunjuk :

Nama Penuh Tokoh : Che Mohd Zailani Bin Che Moh,

Gelaran : Abang Mat (AM)

Nama Penuh Penemuramah : Masidayu Binti Fazil

Gelaran : Mas (M)

BAHAGIAN A : LATAR BELAKANG TOKOH

M : Assalaimualaikum dan selamat malam saya ucapkan kepada Abang Mat kerana sudi meluangkan masa bersama kami dalam sesi temuramah ini, sebelum kita pergi dengan lebih mendalam lagi, izinkan saya memperkenalkan diri saya terlebih dahulu, saya Masidayu Binti Fazil bersama kawan saya Nurul Nadia Binti Ismail akan menemuramah Abang Mat mengenai pengalaman Abang Mat dalam bidang 'Main Puteri'. Kami merupakan pelajar tahun akhir Ijazah Sarjana Mda Sains Kepujian Sistem Maklumat di UiTM Machang, Kelantan. Sesi temuramah ini diadakan bagi memenuhi tugas subjek Pendokumentasian Sejarah Lisan (IMR604) kami. Seperti yang saya sedia maklum, di Kelantan ini hanya ada tiga kumpulan sahaja yang masih aktif dalam bidang ini, iaitu di Pasir Puteh, Tumpat, dan Tanah Merah. Salah satunya adalah kumpulan Abang Mat sendiri di daerah Tanah Merah ini yang masih aktif sehingga kini. Sebagai seorang yang amat dikenali ramai dalam kalangan masyarakat juga, saya amat mengagumi Abang Mat yang begitu gigih meneruskan perjuangan Abang Mat dalam bidang ini yang semakin hilang ditelan arus zaman. Kita mulakan

temuramah ini dengan pengenalan latar belakang Abang Mat. Boleh saya tahu apakah nama penuh Abang Mat? (bunyi cengkerik pada suasana malam selepas hujan)

AM : Nama penuh Abang Mat kalau dalam kad pengenalan, orang panggil Che Mohd : Zailani Bin Che Moh, Kampung Gual Jedok, Tanah Merah Kelantan.

M : Umur Abang Mat sekarang ?

AM : Umur Abang Mat sekarang *ni* [ini] *empat puluh tujuh* [47], Abang Mat dilahirkan pada tahun *enam puluh enam* [1966].

M : Umur Abang Mat empat puluh tujuh tahun [47], dilahirkan pada tahun ?

AM : Iaitu pada *dua puluh tujuh* [27] *haribulan tiga* [3] *sembilan belas sembilan puluh enam* [1996].

M : Pada tahun *sembilan belas sembilan puluh enam* [1996], maknanya Abang Mat *tak* [tidak] sempat melalui zaman penjajahan jepun ?

AM : Ya, *tak* [tidak] sempat.

M : Selepas itu, dimana Abang Mat dilahirkan ?

AM : Di Kampung Gual Jedok.

M : Kampung Gual Jedok, maknanya Abang Mat merupakan anak jati kampung *ni* [ini] la ?

AM : Ya, Abang Mat merupakan anak jati kampung *ni* [ini], Abang Mat sudah *tujuh* [7] keturunan di kampung *ni* [ini].

- M** : ***Tujuh* [7] keturunan. Boleh Abang Mat bagitahu nama ayah Abang Mat ?**
- AM : Ayah Abang Mat *ni* [ini] bermula daripada moyang Abang Mat, Jedok Muda adalah moyang Abang Mat, anak Jedok bernama Mat Din, anak Mat Din bernama Dalang, anak Dalang bernama Tok Daud, anak Tok Daud bernama Che Moh, anak Che Moh adalah nama Abang Mat sendiri, iaitu Che Mohd Zailani.
- M** : **Pekerjaan ayah Abang Mat dulu sebagai apa, kalau Abang Mat masih ingat lagi ?**
- AM : Ayah Abang Mat bekerja kampung iaitu mengambil tanah bukit dan dijadikan sebagai kebun. (sambil meletakkan cawan air yang di minum oleh Abang Mat)
- M** : **Selepas itu, kalau Abang Mat masih ingat juga, pada tahun berapakah ayah Abang Mat meninggal dunia ?**
- AM : Dalam tahun berapa hari tersebut, Abang Mat pun tak pasti.
- M** : **Agak-agak Abang Mat dalam tahun berapakah?**
- AM : Sudah *sembilan* [9] tahun ayah Abang Mat meninggal dunia.
- M** : **Sudah *sembilan* [9] tahun, sekarang sudah tahun *dua ribu tiga belas* [2013], *tolak* [-] *sembilan* [9] tahun maknanya pada tahun *dua ribu sepuluh* [2010].**
- AM : Ya, maknanya pada tahun *dua ribu sepuluh* [2010].
- M** : **Eh, tersilap. Kalau *dua ribu tiga belas* [2013] *tolak* [-] *sembilan* [9] maknanya pada tahun *dua ribu dua* [2002], selepas itu_ _ _**
- AM : Sebabnya, Abang Mat daripada awal keturunan lagi merupakan bomoh.

M : **Maknanya, keturunan Abang Mat daripada mula lagi merupakan bomoh ?**

AM : Ya, daripada awal keturunan lagi.

M : **Nama ibu Abang Mat ?**

AM : Halimah.

M : **Halimah binti ?**

AM : Halimah Binti Yusof.

M : **Asal ibu Abang Mat daripada mana ?**

AM : Asal ibu Abang Mat daripada *Tok Uban* [Pasir Mas, Kelantan].

M : **Tok Uban, maknanya _ _ _**

AM : Yusof berasal daripada *Tok Uban* [Pasir Mas, Kelantan]. *Tok Uban* [Pasir Mas, Kelantan] adalah dalam Jajahan *Pasir Mas* [Kelantan].

M : **Maknanya, ibu Abang Mat berasal daripada Pasir Mas [Kelantan] manakala ayah Abang Mat berasal daripada kampung ini ?**

AM : Datuk kepada ibu Abang Mat berasal daripada *Tok Uban* [Pasir Mas, Kelantan] bernama Yusof, ayah kepada Yusof Abang Mat tidak tahu, tetapi gelaranya adalah *sangak* [gelaran]. Dia datang ke kampung *ni* [ini] pada suatu masa dulu untuk mencari *tuak manis* [nira], setelah *tu* [itu], dia mula berjumpa dan berkenalan dengan nenek Abang Mat di kampung *ni* [ini]. Setelah *tu* [itu], mereka berkahwin dan menetap di kampung *ni* [ini] dan mendapat anak perempuan iaitu Halimah yang merupakan ibu kepada Abang Mat sekarang. Halimah mempunyai *empat* [4] orang adik-beradik, semuanya perempuan. Ibu Abang Mat merupakan anak *kedua* [2], Mok Su Lioh merupakan anak sulong, Halimah iaitu ibu Abang Mat merupakan anak *ke-dua* [2], Mok Su Tijoh merupakan anak yang *ke-tiga* [3], dan

Mok Su Embun yang ke-empat [4]. Kesemua mereka merupakan anak yatim piatu, dan mereka membawa diri mereka sendiri.

M : **Maknanya ibu Abang Mat berasal daripada kampung *ni* [ini] ?**

AM : Ya, daripada kampung *ni* [ini] juga, keturunan ibu Abang Mat juga daripada keturunan bomoh.

M : **Adakah ibu Abang Mat juga seorang bomoh ?**

AM : Ya, dia juga keturunan bomoh kerana Yusof ayah kepada ibu Abang Mat adalah seorang bomoh.

M : **Adakah Abang Mat masih ingat bilakah ibu Abang Mat meninggal ?**

AM : Ibu Abang Mat masih lagi hidup sekarang.

M : **Ibu, masih ada lagi sekarang, agak-agak Abang Mat berapakah umur ibu Abang Mat sekarang ?**

AM : Rasa-rasa Abang Mat, ibu Abang Mat sudah tua kerana umur Abang Mat sudah *empat puluh tujuh* [47] tahun dan merupakan anak ke-*lima* [5], mungkin dalam_ __. Anak sulong sudah berusia *enam puluh* [60] tahun, mungkin ibu Abang Mat dalam lingkungan *lapan puluh* [80] sehingga *sembilan puluh* [90] tahun.

M : **Lebih kurang dalam lingkungan *tulah* [itulah]. Adakah ibu Abang Mat tinggal di kampung *ni* [ini] ?**

AM : Ya, ibu Abang Mat tinggal di kampung *ni* [ini].

M : **Apakah pekerjaanya ?**

AM : Memandangkan ibu Abang Mat sudah tua, dia memelihara kambing.

M : **Selepas *tu* [itu], Abang Mat mempunyai berapa orang adik-beradik ?**

AM : *Tujuh* [7] adik-beradik termasuk Abang Mat.

M : **Abang Mat merupakan anak yang ke berapa ?**

AM : Anak yang ke-*lima* [5].

M : **Ke-*lima* [5], bolehkah Abang Mat bercerita sedikit tentang adik-beradik Abang Mat ? Tinggal dimana ? dan sebagainya.**

AM : Yang boleh menjadikan Abang Mat adik-beradik erat dan bahagia adalah disebabkan oleh Abang Mat sendiri yang mengambil berat tentang adik-beradik Abang Mat. Jikalau Abang Mat tidak mengambil berat tentang adik-beradik Abang Mat, ianya akan membawa kepada satu masalah. Abang Mat sentiasa menjaga adik-beradik Abang Mat daripada mana-mana gangguan daripada luar kerana, Abang Mat merupakan seorang bomoh. Abang Mat menjadi seorang bomoh adalah kerana ingin menolong adik-beradik dan menolong masyarakat kampung. Seseengah orang mengatakan ia sebagai fardu kifayah iaitu menolong sesiapa sahaja. Tiada untuk niat lain, kerana rezeki Abang Mat sudah ditulis oleh Allah SWT.

M : **Adik-beradik Abang Mat *tujuh* [7] orang semuanya tinggal dimana ?**

AM : Abang yang sulong tinggal di Felda Kemahang Dua, nama Abdul Rahim Bin Che Moh, gelaran 'Awang', yang kedua bernama Minah Binti Che Moh, tinggal di Felda Kemahang Tiga, manakala yang tinggal bersebelahan rumah Abang Mat, bernama Umi Kalsum Binti Che Moh, yang keempat tinggal di Chiku Enam, bernama Ismail Bin Che Moh, dan bersebelahan dengan rumah Umi Kalsum ini adalah Saiful Bin Che Moh, merupakan anak yang keenam, dan yang ketujuh adalah Mohd Lazim Bin Che Moh tinggal bersebelahan rumah Saiful.

M : Adakah adik-beradik Abang Mat masih hidup lagi sekarang ?

AM : Ya, semuanya masih hidup.

M : Selepas *tu* [itu], boleh Abang Mat ceritakan zaman kecil Abang Mat di kampung ini pada suatu masa dulu ?

AM : Semasa kecil dulu adalah sangat-sangat susah, kerana orang kampung tidak ada yang suka, malah benci kepada Abang Mat adik-beradik, orang kampung mengatakan Abang Mat seorang yang gila.

M : Kenapa ?

AM : Kearana Abang Mat berbeza daripada yang lain.

M : Boleh Abang Mat bagitahu nama isteri Abang Mat ?

AM : Maznah Binti Ibrahim.

M : Isteri Abang Mat berasal daripada mana ?

AM : Asalnya di Kampung Bangol Yek, ayahnya bernama Keduk dan datuknya bernama Senik. Keduk merupakan anak Senik, Maznah merupakan anak kepada Senik, dia mempunyai *tujuh* [7] adik-beradik.

M : *Tujuh* [7] adik-beradik, isteri Abang Mat anak yang ke berapa ?

AM : Anak yang ke-*lima* [5] dan membesar di Thailand.

M : Membesar di Thailand. Adakah ibu dan bapa isteri Abang Mat juga tinggal di Thailand ?

AM : Ibu bapanya tinggal di kampung ini.

M : Siapa yang membesarkan isteri Abang mat ?

AM : Datuknya.

M : Maknanya isteri Abang Mat dibesarkan oleh datuknya di Thailand ?

AM : Ya, di Thailand.

M : Sudah berapa tahunkah Abang mat mendirikan rumah tangga ?

AM : *Dua puluh empat* [24] tahun.

M : *Dua puluh empat* [24] tahun. Adakah isteri Abang Mat merupakan calon pilihan sendiri atau pilihan orang tua ?

AM : Pilihan orang tua.

M : Orang tua cari. Bilakah agak-agak Abang Mat mula kenal dengan isteri Abang mat ?

AM : Agak lama, masa isteri Abang Mat masih kanak-kanak lagi.

M : Maknanya masih kanak-kanak lagi Abang Mat sudah kenal dengan isteri Abang Mat ?

AM : Ya, kerana Abang Mat bekerja di situ pada ketika *tu* [itu].

M : Macam mana boleh kenal dengan isteri Abang Mat ?

AM : Mula kenal dengan bersebang kosong. Lama-kelamaan isteri Abang Mat jatuh hati kepada Abang Mat. (sambil berlawak jenaka)

M : **Berapakah umur isteri Abang Mat sekarang ?**

AM : Empat puluh dua [42] tahun.

M : **Bekerja sebagai ?**

AM : Sebagai surirumah sepenuh masa.

M : **Abang Mat mempunyai berapa orang anak ?**

AM : *Tiga* [3] orang anak.

M : *Tiga* [3].

AM : *Seorang* [1] perempuan dan *dua* [2] lelaki.

M : **Adakah yang perempuan merupakan *anak sulong* [anak pertama] ?**

AM : Ya, anak *sulong* [anak pertama].

M : **Nama dia ?**

AM : Nama dia Mazni Binti Che Mohd Zailani

M : **Yang ke-*dua* [2] ?**

AM : Mohd Riduan Bin Che Mohd Zailani

M : **Yang ke-*tiga* [3] ?**

AM : Mohd azhar.

M : **Adakah anak Abang Mat masih bersekolah ?**

AM : Ya, masih bersekolah. Mohd Azhar dan Mazni sahaja yang bersekolah.

M : **Mazni belajar di mana ?**

AM : Belajar di Universiti Malaysia Pahang, Gambang.

M : **Universiti Malaysia Pahang. Yang seorang lagi belajar di mana ?**

AM : Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Bunga.

M : **Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Bunga. Anak-anak Abang Mat semua tinggal bersama Abang Mat atau ada yang tinggal berjauhan ?**

AM : Yang *sulong* [anak pertama] dekat Universiti Malaysia Pahang *tu* [itu] jerla yang tinggal berjauhan, Mazni.

M : **Mazni jerla, yang lain semua tinggal dengan Abang Mat ?**

AM : Ya. Sebabnya Abang Mat *tak* [tidak] mempunyai ramai anak.

M : **Kebiasaanya, hari apakah semua anak-anak Abang Mat berkumpul bersama-sama ?**

AM : Biasanya pada musim cuti sekolah.

M : **Maknanya pada musim cuti sekolahla semua anak-anak Abang Mat akan berkumpul. Adakah Abang Mat sudah mempunyai cucu ?**

AM : *Tak* [tidak] lagi.

M : **Apakah hobi Abang Mat pada masa lapang ?**

AM : Hobi Abang Mat pada masa lapang adalah memelihara lembu.

M : **Apakah sekolah masa Abang Mat mula bersekolah dulu, kalau masih ingat ?**

AM : Apa yang Abang Mat ingat adalah sekolah atap.

M : Nama sekolah ?

AM : Sekolah Kebangsaan Gual Jedok.

M : Selepas tamat sekolah rendah adakah Abang Mat sambung sekolah lagi ?

AM : Sambung sekejap sahaja, tetapi Abang Mat *tak* [tidak] ingat berapa lama.

M : Maksudnya sambung sekolah menengah ?

AM : Ya sekolah menengah. Selepas *tu* [itu], berhenti terus.

M : Sekolah *tu* [itu] kat mana ?

AM : Sekolah Menengah Kebangsaan Batu Gajah.

M : Tentang hobi Abang Mat tadi peliharaan lembu, adakah hobi Abang Mat *tu* [itu] daripada kecil lagi ?

AM : Ya, hobi daripada kecil lagi.

M : Adakah hobi Abang Mat tidak mengganggu pelajaran Abang Mat masa kecil dulu ?

AM : *Tak* [tidak] mengganggu, sebabnya Abang Mat malas sekolah.

M : Masa sekolah dulu, apakah aktiviti yang Abang Mat pernah sertai ?

AM : *Tak* [tidak] ada. Cuma masuk Dikir Barat sahaja.

M : Apakah pengalaman manis Abang Mat masa sekolah dulu ?

AM : *Tak* [tidak] ada yang manis, semua pahit.

M : **Apakah pengalaman pahit *tu* [itu] yang paling Abang Mat ingat ?**

AM : Tentang cikgula. Sebab *tulah* [itulah] Abang Mat malas untuk ke sekolah. Cikgu terlalu teruk pada masa *tu* [itu], cikgu membawa masalah peribadi ke sekolah dan melepaskan geram kepada muridnya, walaupun murid *tu* [itu] tidak bersalah.

M : **Jadi, *tulah* [itulah] perkara yang paling Abang Mat ingat ?**

AM : Ya.

M : **Adakah Abang Mat pernah dihukum oleh cikgu Abang Mat dulu ?**

AM : *Tak* [tidak] pernah dihukum *tapi* [tetapi] dipukul dengan menggunakan buku. Padahal Abang Mat *tak* [tidak] pernah membuat salah, sebab *tulah* [itulah] yang menjadikan Abang Mat malas untuk bersekolah.

M : **Apakah perbezaan sekolah dulu dengan sekolah sekarang ?**

AM : Banyak perbezaanya.

M : **Apa perbezaanya ?**

AM : Dari segi ejaan, bacaan, dan percakapan. *Tapi* [tetapi] sekarang *ni* [ini] cikgu mempunyai kualiti yang baik, berdisiplin, dan menghormati berbanding cikgu sekarang.

TAMAT BAHAGIAN A

M : **Apakah yang dimaksudkan dengan main puteri ini ?**

AM : Main puteri *ni* [ini] adalah perubatan tradisional moden yang sudah wujud sejak dahulu lagi. Pada permulaanya adalah bomoh, selepas bomoh adalah bageh, selepas bageh barulah main puteri *ni* [ini]. Main puteri *ni* [ini] adalah perubatan yang Abang Mat betul-betul *ni* [ini] ingin menolong orang yang sakit, kerana pada zaman dahulu adalah zaman yang tidak mempunyai kemudahan hospital, hospital baru sekarang wujud. Main puteri *ni* [ini] timbul sejak timbulnya cerita Che Siti Wan Kembang di negeri Kelantan *ni* [ini]. Dalam negeri Kelantan ini Che Siti Wan Kembanglah yang menerajui perubatan main puteri *ni* [ini] pada zaman dahulu.

M : **Selepas *tu* [itu], saya ingin bertanya pada Abang Mat adakah Main Puteri *ni* [ini] mempunyai kaitan dengan Wayang Kulit dan Mak Yong ?**

AM : Main puteri *ni* [ini] adalah raja segala permainan, dia perlu ada *dua belas* [12] jenis ragam dan permainan. Dalam permainan *ni* [ini] sudah dikatakan bahawa angin terbelah *empat* [4] penjuru *lima* [5], *satu* [1] menjadikan depa *dua* [2] kehidupan *tiga* [3]_ *empat* [4] singgah sehari, manakala *lima* [5] dijatuhkan kepada pusaka nenek moyang. Apabila dikatakan *empat* [4], adanya tanah, air, api dan angin, di dalam sifat alam manusia dan bukannya alam dunia. Alam manusia mempunyai empat elemen yang cukup iaitu tanah,air, api dan angin, *tapi* [tetapi] apa yang Abang Mat katakan *tu* [itu] adalah dalam sifat manusia dimana ia dipanggil sebagai alam, sebab *tulah* [itulah] ada diucapkan bahawa kuncilah *empat* [4] di dalam dan *empat* [4] di luar, kalau orang yang *tak* [tidak] mahir dalam bidang *ni* [ini] dia *tak* [tidak] akan tahu mengenainya. Contohnya doktor mengetahui secara mendalam tentang saraf-saraf manusia *tapi* [tetapi] bomoh mengetahui secara mendalam tentang semangat dalaman manusia yang *tak* [tidak] dapat dilihat dan di rasa dengan

mata kasar, ia mempunyai kaitan dengan uri semasa kita dilahirkan dimana uri tersebut *tak* [tidak] akan dibuang sesuka hati. Uri *ni* [ini] dipercayai mempunyai *satu* [1] lagi kehidupan di mana *tak* [tidak] dapat dilihat dengan mata kasar manusia, maka di situlah kepakaran bomoh, ia berbeza berbanding dengan doktor. Doktor boleh kepada fizikal manakala bomoh boleh kepada dalaman manusia.

M : Maknanya main puteri *ni* [ini] adalah pokok atau tunjang segala permainan ?

AM : Ya, pokok segala permainan.

M : Wayang kuli ___ semualah ?

AM : Ya, segala permainan

M : Sebenarnya dari manakah asal-usul main puteri *ni* [ini] ?

AM : Asal-usul main puteri *ni* [ini] awal lagi, tetapi benda *ni* [ini] adalah rahsia. Biarlah Abang Mat sahaja yang tahu mengenainya, jikalau Abang Mat membuka perkara *ni* [ini] maka akan besarlah ceritanya, bukan Abang Mat tidak mahu berkongsi tetapi *ni* [ini] adalah memang rahsia Abang Mat seorang sahaja.

M : Asal-usul main puteri *ni* [ini] daripada negeri kelantan atau negeri lain ?

AM : Ya, daripada Kelantan.

M : Daripada Kelantanlah, lagipun asal-usul yang sebenarnya Abang Mat tidak dapat ceritakan tadi kerana perkara tersebut adalah rahsia ?

AM : *Tak* [tidak] dapat diceritakan kerana adik masih muda dan takut menjadi benda yang lain.

- M** : Selepas *tu* [itu], adakah main puteri *ni* [ini] mempunyai nama yang lain : dipanggil oleh orang kampung (bunyi cicak), atau hanya dikenali sebagai main puteri sahaja ?
- AM : Main puteri sahaja.
- M** : Adakah main puteri *ni* [ini] mempunyai banyak jenis ?
- AM : *Dua belas* [12] jenis, *dua belas* [12] ragam, ia adalah lagu dan irama. Lagu dan irama memang tidak dapat dipisahkan. Selepas itu adalah _ untuk menarik perhatian orang terhadap kita.
- M** : Adakah gaya yang dimaksudkan Abang Mat ?
- AM : Ya, gaya. Sebabnya gaya adalah penting untuk kita cari _ _ _ sebabnya *dia* [orang yang sakit] sakit, anak cucu dia nak berjalan secara cepat pun tidak boleh, akan dimarahi sebab *dia* [orang yang sakit] sakit, tapi *kita* [bomoh] nak berjumpa dengan *dia* [orang yang sakit] dan memujuk supaya *dia* [orang yang sakit] tidak marah dengan gaya, lagu dan nyayian *kita* [bomoh].
- M** : Abang Mat bagitahu tadi main puteri ada *dua belas* [12] jenis kan ?
- AM : Ya.
- M** : Yang Abang Mat masih ingat lagi adakah *tiga* [3] jenis sahaja main puteri ini ?
- AM : Dalam permainan *ni* [ini] semuanya ada, lagu, irama, pengantara dan sebagainya.
- M** : Maknanya adalah *dua belas* [12] jenis adalah *dua belas* [12] perkara yang terdapat di dalamnya ?
- AM : Selepas *tu* [itu], dalam lagu dan alat-alat muzik *ni* [ini] tidak boleh sumbang sebab nak kena masuk dengan *dua belas* [12] jenis lagu dan irama yang dibawa itu.

M : **Maknanya, semua ini merangkumi *dua belas* [12] perkara lagu dan irama tersebut ?**

AM : Ya, *dua belas* [12] itulah. Lagu Sendayung Tonggek pun ada, zaman dulu semuanya pelik-pelik jika didengar.

M : **Adakah main puteri *ni* [ini] terkenal di pantai timur sahaja atau di merata tempat ?**

AM : Di merata tempat.

M : **Sejak bilakah Abang Mat mula bergiat dalam bidang *ni* [ini] ?**

AM : *Dua puluh* [20] tahun dah, sebab sekali dengan belajar cara permainan ini.

M : **Umur berapakah Abang Mat mula bergiat dalam bidang *ni* [ini] ?**

AM : Yang Abang Mat ingat, semasa umur Abang Mat *dua puluh dua* [22] tahun. Dimana Abang Mat mula berubat orang yang sakit, sekarang umur Abang Mat sudah *empat puluh tujuh* [47] tahun.

M : **Macam mana boleh timbulnya minat Abang Mat dalam bidang *ni* [ini] ?**

AM : Sebabnya Abang Mat tidak mempunyai ilmu lain dan benda *ni* [ini] tidak ada kesudahan, walaupun Abang Mat bekerja tetatapi tetap tidak meninggalkan bomoh *ni* [ini], lagipun bomoh *ni* [ini] masih diperlukan orang ramai sehingga kini.

M : **Siapakah yang memberi sokongan kepada Abang Mat untuk menceburi bidang ini ?**

AM : *Ke-dua* [2] orang tua Abang Mat sebab mereka adalah daripada keturunan bomoh. Ayah Abang Mat pernah memberitahu Abang Mat supaya menuntu dengan guru lain terlebih dahulu kerana, kalau antara ayah dengan anak, ia tidak akan menjadi. Maka dengan itulah hanya perkara yang tidak betul sahaja akan di perbaiki oleh ayah Abang Mat. Selepas itulah baru Abang Mat boleh mengubat orang melalui main puteri *ni* [ini]. Tok guru Abang Mat banyak, Abang Mat belajar bersungguh-sungguh

M : **Yang Abang Mat ingat, berapa orangkah tok guru Abang Mat ?**

AM : *Lapan belas* [18] orang.

M : **Nama-nama diorang Abang Mat masih ingat ?**

AM : Ingat. Tetapi setiap kali Abang Mat mahir tok guru Abang Mat meninggal, semuanya sudah meninggal sekarang.

M : **Siapakah yang Abang Mat paling ingat ?**

AM : Semuanya ingat.

M : **Ingat semua ?**

AM : Ya, ingat semua seolah-olah masih hidup lagi sekarang. Contohnya seperti di *Jabat* [Thailand], Thailand adalah Haji Adam.

M : **Haji Adam, adakah dia masih hidup lagi sekarang ?**

AM : Tidak tahu, *Wallahualam* [Hanya Allah Maha Tahu]. Seperti di *Syakirin* [Thailand], Haji Ali, di *Lubok Durian* [Thailand] Pok Ya, di *Kelubi* [Thailand] Pok Wo Ya.

M : Pok Wo Ya ?

AM : Ya, yang *tu* [itu] adalah Tok Bomoh juga atau dikenali Tok Teri. Di *Pupok* [Thailand], nama Usop, juga merupakan Tok Teri, di *Joho* [Thailand], nama Che Din, dan ramai lagi di Thailand sebabnya Abang Mat aktif di sana selama *tujuh* [7] tahun.

M : Sudah *tujuh* [7] tahun di Thailand ?

AM : Ya, *tujuh* [7] tahun di Thailand.

M : Masa Abang Mat masih muda la pada ketika *tu* [itu] ?

AM : Ya, masa Abang Mat muda, pada masa *tu* [itu] Abang Mat banyak bermain di Thailand selama *tujuh* [7] tahun, berikutan *tu* [itu], nama Abang Mat mula meningkat menjadi sebutan ramai, maka dengan *tu* [itu], Abang Mat mula berpindah ke Malaysia kerana takut menjadi ancaman kepada keluarga Abang Mat, sebab di Thailand pada masa *tu* [itu] berlaku tembak-menembak, tambahan pula Abang Mat sekeluarga merupakan orang Malaysia. Jadi tok guru tua Abang Mat adalah Tok Kasih, Pok Nik Ceduk, arwah Tok Yakpa di *Bukit Tuku* [Tanah Merah, Kelantan]. Wayang kulit yang ada di rumah Abang Mat ni juga merupakan salah satu warisan daripada tok guru Abang Mat juga. Wayang kulit juga boleh digabungkan dengan Main Puteri.

M : Maknanya Abang Mat boleh bermain semua permainan tradisional ini ?

AM : Ya, boleh semuanya, Mak Yong, Main Puteri, Dikir Barat dan lain-lain. Cumanya suara merdu atau tidak bergantung kepada orang ramailah yang menentukannya.

M : Selepas *tu* [itu], adik-beradik Abang Mat ada tak yang menceburi bidang *ni* [ini] juga ?

AM : Dulu Abang Mat menceburi bidang *ni* [ini] dengan adik Abang Mat, Saiful.

M : Dengan Saiful, adakah sampai sekarang ?

AM : Sekarang Saiful sudah tidak bergiat lagi dalam bidang *ni* [ini] kerana bidang *ni* [ini] tidak bersesuaian denganya.

M : Jadi dia berhenti setakat *tu* [itu] sahajalah ?

AM : Ya, setakat *tu* [itu] sahaja dan tidak sempat mendapat sijil.

M : Anak-anak Abang Mat sendiri ada tak yang berminat ?

AM : Anak-anak Abang Mat ada yang menunjukkan minat dan boleh mewarisi iaitu anak lelaki Abang Mat yang *ke-dua* [2] dan *ke-tiga* [3].

M : Yang *ke-dua* [2] dan *ke-tigalah* [3] yang menunjukkan minat ?

AM : Ya, kerana sudah pandai bermain serunai.

M : Yang mana pandai bermain serunai ?

AM : *Ke-dua* [2] mereka pandai bermain serunai.

M : Abang Mat Main Puteri *ni* [ini] secara seorang atau berkumpulan ?

AM : Secara berkumpulan.

M : Nama kumpulan Abang Mat ?

AM : Abang Mat Jedok

M : **Abang Mat Jedok ?**

AM : Ya.

M : **Kalau Abang Mat masih ingat, pada tahun berapakah kumpulan Abang Mat ditubuhkan ?**

AM : Tahun *dua ribu* [2000] rasanya.

M : **Memang tahun *dua ribu* [2000] pada masa itu ?**

AM : Ya pada tahun *dua ribu* [2000] kerana pada masa *tu* [itu] Abang Mat dan kumpulan ditaja oleh pihak *ASTRO* [Malaysian Satellite Television].

M : **Kumpulan Abang Mat ada berapa orang ?**

AM : Sekarang sudah *tak* [tidak] ada kumpulan tersebut.

M : **Yang dulu ?**

AM : Yang itu *tujuh* [7] orang tetapi semuanya sudah meninggal hanya tinggal Abang Mat *seorang* [1] sahaja.

M : **Yang dulu *tujuh* [7] orang ?**

AM : Ya, *tujuh* [7], *lapan* [8] dan *dua belas* [12], sekarang semua sudah meninggal tinggal Abang Mat *seorang* [1] sahaja.

M : **Yang abang Mat masih ingat berapa orang perempuan ?**

AM : *Seorang* [1] sahaja, bermain gong, yang lain semuanya lelaki.

M : ***Seorang* [1] sahajala perempuan ?**

AM : Ya, kecuali bermain Mak Yong.

M : Yang telah meninggal dalam peringkat umur berapa ?

AM : Dalam peringkat *lima* [5] hingga *enam* [6] puluh tahun.

M : Adakah sekarang Abang Mat menubuhkan kumpulan baru ?

AM : Ya, menubuhkan kumpulan baru dan sekiranya cukup orang Abang Mat akan bermain.

M : Kumpulan baru tersebut berapa orang ?

AM : Dalam *dua belas* [12] orang ?

M : Peringkat umur ?

AM : Campur dalam *empat* [4] puluh, *lima* [5] puluh, *dua puluh* [20] lebih tidak ada.

M : Adakah ahli kumpulan tinggal berdekatan dengan abang Mat?

AM : Mereka tinggal di merata-rata tempat.

M : Macam mana abang Mat boleh membentuk kumpulan *ni* [ini]?

AM : Ia terjadi melalui perseorangan, Abang Mat akan menilai orang *tu* [itu] sekiranya dia mempunyai bakat dalam bidang *ni* [ini]. Jika tidak, saya ___

M : Adakah abang Mat mengenakan sebarang bayaran untuk permainan *ni* [ini]?

AM : Ya.

M : Biasanya berapakah bayaran yang abang Mat kenakan ?

AM : Ia bergantung pada kos pengangkutan samada jauh dan dekat.

M : Adakah abang Mat menerima jemputan daripada mana-mana pihak?

AM : Ada, dari badan Kesenian Negeri Kelantan. Abang Mat pernah bermain komedi

dengan wakil-wakil dari *Salam Pantai Timur* [Rancangan Televisyen] iaitu abang Nor Ja'faar, Jali, arwah Osman Kering dan *Pok Ya Ri* [ahli lawak]. Abang Mat pernah membuat pertunjukkan di Pekan, Pahang pada hari kebesaran dengan wakil-wakil *Salam Pantai Timur* [Rancangan Televisyen].

M : **Selepas *tu* [itu] kebiasaanya, adakah permainan *ni* [ini] ada musim tertentu atau sepanjang musim?**

AM : Kalau wakil-wakil kakitangan badan kerajaan *ni* [ini] ada musimnya yang tetentu. Kalau orang kampung *ni* [ini] tidak ada musim, ia mengikut hari yang sakit.

M : **Adakah sepanjang masa permainan ini?**

AM : Ya sepanjang masa termasuk tengah hari.

M : **Biasanya badan kerajaan *ni* [ini] mengikut musim cuti apa?**

AM : Ya. Musim macam abang Mat main yang terbaru adalah pada malam khamis lepas. Pada hari Konvoi Kembara dari bahagian Dewan Bahasa dan Pustaka.

M : **Di mana ?**

AM : Abang Mat buat mesyuarat di Dewan Bahasa, *Kota Bharu* [Kelantan] selepas itu buat konvoi di Machang.

M : **Kenapa musim cuti persekolahan ramai yang buat teri. Apakah sebabnya?**

AM : Sebabnya adalah jauh. Mungkin yang tinggal jauh dari kampung.

- M : Adakah abang Mat akan melakukan main teri *ni* [ini] mengikut giliran ataupun boleh menerima tempahan selain dari *tu* [itu]?**
- AM : Boleh. Ia mengikut atas dasar permintaan pesakit. Kalau pesakit meminta *dua* [2] malam atau *satu* [1] malam untuk melakukan permainan *ni* [ini].
- M : Adakah ia akan mengikut jadual?**
- AM : Ya.
- M : Adakah bidang ini merupakan sumber pendapatan keluarga abang Mat?**
- AM : Ya. Boleh la untuk sesuap nasi abang Mat sekeluarga.
- M : Pada pendapat abang Mat, adakah bidang *ni* [ini] dikenali masyarakat ataupun tidak?**
- AM : Amat dikenali.
- M : Adakah main puteri *ni* [ini] boleh dilakukan dapat dilakukan di mana-mana majlis selain daripada perubatan?**
- AM : Boleh. Contohnya, majlis perkahwinan, majlis meraikan orang ramai dan majlis kaum ibu, semuanya boleh.
- M : Melalui pengalaman abang Mat sendiri, main puteri *ni* [ini] sesuai dilakukan pada waktu mana?**
- AM : Waktu tidak sibuk.
- M : Selalunya berapa orang diperlukan untuk bermain permainan *ni* [ini]?**
- AM : Seramai *dua belas* [12] orang tetapi sekarang sudah tidak boleh dilakukan seramai *dua belas* [12] oarang. Ia mesti dilakukan seramai *enam* [6] orang. *Ni* [ini] adalah

atas satu alatan itu boleh digunakan untuk *dua* [2] orang. Gendang dan gendut untuk *satu* [1] orang sahaja. Gelendang dan godombak gendang anak untuk *satu* [1] orang. Gong dan kesi untuk *dua* [2] orang.

M : **Selepas *tu* [itu], adakah setiap orang mempunyai peranan masing-masing dalam bidang *ni* [ini]?**

AM : Ya. Tugas masing-masing.

M : **Contohnya, ahli gendang *ni* [ini] apakah peranannya?**

AM : Perananya berdasarkan ketuanya.

M : **Agaknya permainan *ni* [ini] sesuai *tak* [tidak] dilihat untuk golongan kanak-kanak?**

AM : Gembira hingga *tak* [tidak] mahu balik.

M : **Kebiasaanya, berapakah masa yang diambil untuk melakukan permainan *ni* [ini]?**

AM : *Tak* [tidak] terkira. Ada yang dari malam hingga ke pagi.

M : **Selama manakah latihan yang diambil untuk bermain permainan *ni* [ini]?**

AM : *Tak* [tidak] diperlukan sebarang latihan sekiranya dia sudah mahir.

M : **Berapakah lama yang diperlukan untuk satu sesi latihan *tu* [itu]?**

AM : Selama *enam* [6] bulan.

M : **Apakah sebenarnya tujuan abang Mat bermain main puteri *ni* [ini]?**

AM : Untuk menolong keluarga dan masyarakat kampung.

M : Adakah abang Mat hanya bermain permainan puteri *ni* [ini] di semenanjung pantai timur sahaja.

AM : *Tak* [tidak]. Merata-rata.

M : Dimana selalunya abang Mat bermain permainan *ni* [ini] selain daripada Kelantan?

AM : Biasanya abang Mat selalu bermain di Kuala Lumpur seperti di Dewan Bahasa dan Pustaka, Muzium dan Universiti Malaya. Di Hotel Renaissance, Kota Bharu abang Mat pernah bermain (berjenaka seketika).

M : Apakah jenis muzik biasa dimainkan oleh permainan *ni* [ini]?

AM : Muzik Tradisional.

M : Apakah peralatan lain yang digunakan selain dari alat muzik yang disebutkan tadi?

AM : Ada seperti tengkolok harus dibawa, mengikut tujuan main puteri dilakukan.

M : Dari manakah abang Mat mendapat alatan muzik?

AM : Beli dan membuatnya sendiri. Alatan untuk wayang kulit abang Mat beli manakala gendang membuatnya secara sendiri.

M : Daripada siapakah abang Mat membeli alatan permainan *ni* [ini]?

AM : Gendang Abang Mat beli daripada Pok Suh, *Pasir Mas* [Kelantan].

M : Berapakah harganya?

AM : *Tiga ratus* [300] ringgit untuk *satu* [1] alatan.

M : Apakah alatan lain yang ada bagi untuk menyempurnakan permainan puteri ni [ini]?

AM : *Tak* [tidak] ada. Dah cukup.

M : Dari segi perubatan, apakah peralatan yang perlu dibawa oleh pesakit?

AM : Pesakit harus membawa kain sarung sehelai, *kain lepas* [kain yang belum dijahit] *tiga* [3] helai dan duit.

M : Bagaimanakah pula, dari segi pemakaian abang Mat sendiri?

AM : Dari zaman dahulu *tak* [tidak] memakai baju tetapi memakai *kain lepas* [kain yang belum dijahit] *ikat bekung* [ikat di bahagian pinggang] dan kain sarung. Dan sekarang masih *tak* [tidak] boleh memakai seluar, Abang Mat akan memakai kain dan kalau ikutkan mahu memakai baju penting sahaja.

M : Manakala pemakaian untuk pesakit pula?

AM : Memakai pakaian biasa seperti orang kampung. Pakaian *tu* [itu] mesti bersesuaian dengan tujuan perubatannya.

M : Dari segi pantang larang, apakah yang perlu diikuti oleh mereka?

AM : Tiada tetapi atas kehendak pesakit.

M : Selalunya apakah yang akan berlaku kepada pesakit sekiranya *tak* [tidak] mengikuti pantang larang tersebut?

AM : Kalau *tak* [tidak] ikut boleh membawa kepada nazak.

M : **Maknanya segala pantang larang yang disuruh oleh Abang Mat perlu diikuti?**

AM : *Dia* [orang yang sakit] perlu ikutla kalau mahu penyakitnya sembuh seperti yang telah dibincangkanlah (sambil ketawa kecil), sebabnya Abang Mat bukannya mahu bergaduh dengan *dia* [orang yang sakit], sebabnya *kita* [Abang Mat] hari *ni* [ini] *apam jabdi* [bahasa main puteri] maknanya kalau *dia* [orang yang sakit] sakit Abang Mat lagi sakit, maknanya kedudukan Abang Mat *ni* [ini] lagi rendah daripada *dia* [orang yang sakit], sebab *tu* [itu] *dia* [orang yang sakit] dapat masuk dengan *kita* [Abang Mat] dan *kita* [Abang Mat] dapat menyembuhkan penyakit *dia* [orang yang sakit].

M : **Apakah yang akan dilakukan semasa bermain puteri *ni* [ini]?**

AM : Membaca *mantera* [jampi serapah]

M : **Maknanya baca *manterala* [jampi serapah] ?**

AM : Baca *manterala* [jampi serapah], ayatnya sama cuma ejaanya lain.

M : **Adakah *mantera* [jampi serapah] *ni* [ini] mempunyai banyak jenis ?**

AM : Banyak, adanya Angin Dewa Muda, Angin Dewa Kecil, Angin Kecil Bongsu Sakti, Angin Bidan, Angin Hala, Angin Pendekar, dan Angin Tok Fakir.

M : **Jikalau tidak keberatan bolehkan abang Mat menyanyikan sedikit jampi *tu* [itu]?**

AM : Boleh. Tidak susah pun. Katakan lah abang Mat ni sebagai tok teri selepas daripada Abang Mat dalam keadaan tidak sedar, *Tok Minduk* [Penolong Tok Teri] bertanya *siapakah ketua ismu tuan hamba dengan gasing gorok dua lediwangsa* [Jampi serapah] maksudnya masa datang berubat pesakit kelihatan sihat sahaja tetapi apabila mengadap *rebab* [bahagian main puteri] pesakit mula meracau. Selepas itu

Tok Minduk mula bertanya siapa di dalam tubuh tersebut melalui bahasa tersendiri, selepas itulah Abang Mat menjawab persoalan *tubuh ambo bernama badan ambo bergelar orang duduk panggil budok duduk gelar kato wok ore tuo lamo* [jampi serapah], sebab orang tersebut adalah orang tua lama, dia tidak mahu bergaduh dengan budak-budak, jadi tok Minduk berkata *hari ni wok tok bomoh nok suroh wok jadi tok bomoh, wok tengokla dari atas sifat anak nung boleh membawa dengan sifat kelea kabut, berat, penat letih, tok rok, keletuk, gedebar, kenalin, sgenap pasal daging ketar gigi sapa dari hujung jari, habis rajo tolok anjong mamut tinggal sano habis kucan gundum segalo mamut temenggong doh* [jampi serapah] Tok Minduk berkata. Orang tua berkata *boleh lapan iktiar kato jange tok leba dio ado ratib tali* [jampi serapah] tok teri ada pantun dan nyanyian kalau doktor dio ada dengan suntikan. *Jadi wok nok masuklah dalam negeri sebuah pulau sebutir* [jampi serapah] dia berkata. Ia dipanggil negeri tapi [tetapi] dalam bahasa teri ia dipanggil alam iaitu alam zat. *Gelosor turun wok tuo ku seluk lalu wok tahok lakoh ini kami anjor anjor la nik wei*, [nyanyian teri] dan *kita* [tok teri] berjalan kepada orang sakit, berjalan dengan gaya, *lalu wok sapa kat bucu kota rajo, wok rendoh dudok, ngakat tange mohon kadeng sepuluh*, [nyanyian teri] jadi *kita* [tok teri] angkat tangan kepada *dia* [orang tua], berjabat tangan dengan *dia* [orang tua], *mitok ampun lah nik maaf banyok ampun sakan lah nik wei takut wok ado silap gayo selamatkanlah langkah* [nyanyian teri] *kita* [tok teri] takut tersilap atau terkasar bahasa bila masuk di tempat *dia* [orang tua], jadi daripada situ *kita* [tok teri] dapat lihat jika *dia* [pesakit] ada masalah *angin* [dalaman] ataupun *tak* [tidak], *dia* [pesakit] ada tanda-tandanya contohnya muka menjadi pucat maknanya orang tersebut membenarkan dirinya untuk diubati, kalau orang tersebut *tak* [tidak] menunjukkan tanda-tanda setuju, tok teri tidak dapat mengubati pesakit, *tu* [itu] adalah petua kepada main teri *ni* [ini]. Begitulah ceritanya, sebab *tu* [itu] bila *kita* [tok teri] menyanyi *kita* [tok teri] perlu lakukan macam bersajak (sambil

melafazkan sajak jenaka). Begitulah dibaratkan, seperti *kita* [tok teri] bersajak *kita* [tok teri] perlu bersungguh-sungguh, mula dengan merdu dan lepas dengan merdu, kalau *kita* [tok teri] merdu orang sakit lagi bersemangat (sambi ketawa kecil). Bukan menggunakan hantu, dimana orang mengatakan tok bomoh menggunakan hantu, *tak* [tidak], pembohongan *tu* [itu] tidak boleh dipakai langsung. Tok bomoh *ni* [ini] cuma menghalau hantu. *Mung jange kosek atas sifat ni, mung keno tubik kalu mung tok tubik aku upohla mung dengan perkataan benda lagu ni lagu ni kelik !* [jampi serapah] *kita* [tok teri] menghalau hantu tersebut. *Buke pak mung dok sini* [jampi serapah]. Sebabnya hantu *ni* [ini] dah berjanji dulu dengan Tuhan bahawa *dia* [hantu] akan mengganggu juga anak Adam *ni* [ini] sampai habis-habisan sampai Tuhan berkata yang mana pengikut *mu* [kau] adalah kumpulan *mu* [kau], yang mana mengerjakan ibadah kepada *aku* [Tuhan] bahagian *aku* [Tuhan], Tuhan sudah berjanji daripada awal lagi perkara *ni* [ini]. Abang Mat belajar semuanya merangkumi dalam dan luar

M : Apakah yang perlu dilakukan oleh pesakit selepas tamat melakukan upacara main puteri *ni* [ini]?

AM : Berdasarkan niat pesakit. Contohnya *aku* [pesakit] nak menyembelih kambing, wajib ditunaikan walau apa sekali pun. *Ni* [ini] kerana bukan berniat dengan tok teri tetapi berniat dengan Tuhan, walau apa sekalipun perlu dilakukan.

M : Niat *dia* wajib buatla ?

AM : Ya, wajib buat sebab *dia* [pesakit] berniat dengan Tuhan bukan dengan Tok Teri, berkata-kata dengan *kalamullah* [kata-kata Allah].

M : Biasanya adakah pesakit *tu* [itu] akan sembuh selepas melakukan permainan

ni [ini]?

AM : Banyak. (sambil berjenaka).

M : **Jikalau abang Mat tidak keberatan, sepanjang main puteri *ni [ini]* apakah perkara paling teruk dalam bidang *ni [ini]*?**

AM : Menolak bala, iaitu menolak penyakit.

M : **Macam mana kah menolak penyakit *tu [itu]*?**

AM : Ia mesti dilakukan oleh empat buah negeri di panggil *satu tepok kecik duo pacar indi tigo sakot skande pak serambi dewo limo agong tokok gambar bertulis [jampi serapah]* perkara *ni [ini]* adalah memenatkan sebab tidak mempunyai teman.(bunyi suara orang kampung).

TAMAT BAHAGIAN B

M : **Selepas *tu* [itu] pernahkah abang Mat melakukan persembahan selain dari Malaysia?**

AM : Selain Malaysia, tidak ada lagi, *tapi* [tetapi] gambar Abang Mat sudah berada di serata dunia.

M : **Kalau di Thailand ?**

AM : Ya, Thailand ada, Abang Mat pernah berada selama *tujuh* [7] tahun.

M : **Maknanya, selain di Malaysia adalah di Thailand ?**

AM : Ya, Thailand luar negara.(suara orang batuk).

M : **Pernahkah abang Mat mendapat liputan media dari luar pasal permainan *ni* [ini]?**

AM : Contohnya dulu Abang Mat pernah pergi di Dewan Bahasa dan Pustaka, di Istana budaya, Kuala Lumpur. Abang Mat pernah mendapat jemputan dari Rahimi Din yang merupakan staf dari Istana Budaya Kuala Lumpur dengan Sultan Omar.

M : **Maknanya, liputan dari media macam *TV* [stesen televisyen] *Tiga* [3] belum ada macam *ASTRO* [Malaysian Satellite Television] ke ?**

AM : *TV* [stesen televisyen] tiga [3]_ _ _ *ASTRO* [Malaysian Satellite Television] ada didukung oleh Jamilah Taib, Jamilah Taib, Abang Mat bermain di *muzium* [Kuala Lumpur], merupakan orang *Bachok* [Kelantan], kalau di *Istana Budaya* [Kuala Lumpur] Cik Tun Omar.

M : **Bidang main puteri *ni* [ini] pernahkah mendapat kajian luar daripada pelajar-pelajar ?**

AM : Biasa *tu* [itu].(bunyi rakaman digerakkan). Banyak sekali. Macam *U* [Universiti] Penang ___tak tahula *U* [Universiti] ape.

M : **UMK [Universiti Malaysia Kelantan].**

AM : Bukan. *USM* [Universiti Sains Malaysia].

M : ***USM* [Universiti Sains Malaysia] ?**

AM : Ya.

M : **Selepas *tu* [itu] pengalaman abang Mat *ni* [ini] pernah dibukukan?**

AM : Buku,buku sebab baru *ni* [ini], Professor Harun, dia ada nak buat *show* [pameran] di Dewan Bahasa dan Pustaka *ni* [ini] tetapi menunggu keputusan lagi.

M : **Maknanya dalam proses lah?**

AM : Dalam proses, sebabnya Proffesor Hasrat Harun dia ada nak buat *bageh* [bomoh] *tapi* [tetapi] *tak* [tidak] jadi.

M : **Adakah pernah mendapat sijil-sijil berkaitan dengan bidang *ni* [ini] sepanjang penglibatan abang Mat?**

AM : Ada boleh. *Dua,dua* [2] sijil. *Satu* [1] dari Pengarah Kebudayaan Malaysia iaitu Datuk Norliza.

M : **Pengarah Kebudayaanla, selepas *tu* [itu] yang satu lagi ?**

AM : Yang *tu* [itu] siri ke-empat [4] *ni* [ini] boleh daripada Dato'Umar.

- M** : **Dato' Umar, Naib Cansellor *USM* [Universiti Sains Malaysia] kan?**
- AM : Ya. Naib Cansellor *USM* [Universiti Sains Malaysia], semasa Abang Mat membuat persembahan di kampung Lemol.
- M** : **Sekiranya masih ingat pada tahun berapakah abang Mat mendapat sijil itu?**
- AM : Sijil ini rasanya dari tahun *dua ribu tujuh* [2007].
- M** : **Bagaimanakah perasaan abang Mat apabila mendapat sijil *tu* [itu]?**
- AM : Perasaan ingin terbang naik ke langit. (suara ketawa)
- M** : **Memandangkan main puteri ni semakin pupus dalam generasi sekarang_ _ _**
- AM : Bagi orang kampung pupus *mek* [Mas]. Bagi orang luar *tak* [tidak] pupus. Bagi yang pelajar-pelajar *tak* [tidak] pupus. Sebab pelajar [sedang] ambil benda macam *ni* [ini].
- M** : **Dari segi bidang *ni* [ini], adakah abang Mat sudi jadi tenaga pengajar?**
- AM : Kalau bersesuaian sudi, kalau tak bersesuaian maka macam *tu* [itu] lah.
- M** : **Adakah abang Mat meletakkan syarat kepada sesiapa yang ingin menyertai permainan *ni* [ini]?**
- AM : Ya, ada syarat-syarat, sebab main puteri *ni* [ini] kalau *tak* [tidak] letak syarat boleh melampaui batas tok bomoh. Sampaikan nak marah pun *tak* [tidak] boleh sebab menyanyi pun *tak* [tidak] boleh, terukla macam *tu* [itu].
- M** : **Adakah sekarang abang Mat mempunyai anak didik?**
- AM : Ada.

M : **Anak didik Abang Mat tinggal di mana ?**

AM : Ada, tinggal sekali dengan Abang Mat.

M : **Maknanya orang dekat rumah atau___ ?**

AM : Anak Abang Mat sendiri.

M : **Anak Abang Mat sendirilah ?**

AM : Ya.

M : **Anak abang Mat yang mana, yang ke-dua [2] dan ke-tiga [3] tu [itu] lah?**

AM : Ya, yang ke-dua [2] dan ke-tiga [3].

M : **Berapa lama masa yang abang Mat perlukan untuk mendidik anak abang didik Mat *ni* [ini] ?**

AM : Lama juga *mek* [mas].

M : **Pada pandangan abang Mat sendiri, adakah bidang *ni* [ini] penting kepada anak muda zaman sekarang?**

AM : Kalau bagi Abang Mat benda *ni* [ini] daripada mereka melakukan perkara sia-sia, lebih baik menceburi bidang *ni* [ini] lah, daripada melakukan perkara sia-sia seperti pil kuda, kerja gila. Main puteri lah yang bagus *mek* [mas] betul, kerajaan *tak* [tidak] marah dan polis *tak* [tidak] buru, kita boleh membantu orang ramai, betul.

M : **Bagaimanakah perasaan abang Mat bila permainan *ni* [ini] semakin pudar dalam kalangan anak muda pada masa kini?**

AM : Yang itu, abang mat rasa sangat sedih dan berduka cita. Sebabnya nak melakukan main puteri *ni* [ini], kalau *tak* [tidak] ada sokongan daripada pihak kakitangan

kasihan. Kalau pihak *tu* [itu] ada sokongan Insyallah abang Mat pun boleh tolong sekali, macam *tu* [itu].

M : Apakah nasihat abang Mat kepada mereka yang berminat dalam bidang *ni* [ini]?

AM : Perlu mendapat sokongan daripada pihak kakitangan kerajaan. Ni pun abang Mat minta *panggung* [tempat bermain puteri] pun susah. Ini merupakan hospital Abang Mat iaitu tempat Abang Mat bermain, hospital. Kalau orang tersebut rumah dekat masjid tetapi tidak dapat bermain, boleh datang ke sini, macam *tu* [itu] lah.. Abang Mat *ni* [ini] betul-betul di ibarat lilin sanggup membakar diri sendiri pekerjaan Abang Mat *ni* [ini]. Siapa yang tidak berterima kasih biarlah, di dalam dunia *ni* [ini] tidak pernah abang Mat bertengkar dengan orang lain. ingin menjadi tok bomoh sebenarnya *tak* [tidak] boleh garang, segala rasa marah, dendam, *tak* [tidak] boleh ada, kalau sakit gigi sekali pun *tak* [tidak] boleh marah *orang* [pesakit] *tapi* [tetapi] perlu menjauhkan diri daripada orang. Kalau garang dengan *orang* [pesakit] terukla pesakit.

M : Nasihat abg Mat ni kepada budak-budak muda sekarang *ni* [ini]?

AM : Nasihat abang Mat begitu lah budak-budak *ni* [ini] daripada melakukan perkara yang sia-sia lebih baik bermain *tapi* [tetapi] meraka nak fokus menyertai main puteri *ni* [ini] *tak* [tidak] boleh sebab pagi esok nak kerja dan malam nak berjaga, *tak* [tidak] bertenaga, esok pulak nak kerja.

M : Apakah harapan abang Mat terhadap bidang *ni* [ini] kerana anak muda tidak ambil peduli terhadap bidang *ni* [ini], harapan Abang Mat la ?

AM : Harapan abang Mat agar mereka sentiasa berminat dengan bidang *ni* [ini].

- M** : **Pada pendapat abang Mat bagaimana cara nak kekal warisan seperti main puteri *ni* [ini] ?**
- AM : Macam kalau pembesar-pembesar sokong tidak mengapa, boleh kekal benda macam *ni* [ini], pasal Abang Mat sokong sekali. Abang Mat boleh mencari benda *ni* [main puteri]. Orang ingin belajar tok guru mahu ajarkan.
- M** : **Maknanya seperti yang Abang Mat cakap sokongan daripada orang atasla ?**
- AM : Ya, pihak berkenaan macam pihak kebudayaan. Sokong perkara benda macam *ni* [ini] *tak* [tidak] mengapa.
- M** : **Maknanya (suara orang kampung yang turut berada bersama Abang Mat) dia [orang atasan] buat aktiviti *ni* [ini] kerap kali, jadi ia *tak* [tidak] akan hilang lah?**
- AM : Boleh. *Tak* [tidak] akan hilang.
- M** : **Maknanya, setakat *ni* [ini] sahajalah temuramah ini dan saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Abang Mat kerana sudi meluangkan masa dalam sesi temuramah ini. Kami berdua amat menghargai jasa baik Abang Mat kerana sanggup berkongsi pengalaman dan menceritakan detik-detik pengalaman yang dilalui sepanjang menceburkan diri dalam bidang main puteri ini. Sekali lagi kami ucapkan terima kasih kepada Abang Mat. Assalaimualaikum.**

TAMAT BAHAGIAN C

SENARAI SOALAN

1. Boleh abang mat beritahu nama penuh ayah mat?
2. Umur abang mat ?
3. Adakah abang mat sempat melalui zaman penjajahan jepun ?
4. Boleh abang mat ceritakan tentang zaman jepun dengan lebih lanjut lagi ?
5. Cerita zaman Jepun ?
6. Bila abang mat dilahirkan ?
7. Abang mat dilahirkan dimana ?
8. Adakah Abang Mat merupakan anak jati kampung ini ?
9. Boleh beritahu kami nama ayah abang mat ?
10. Pekerjaan abang mat ?
11. Boleh kami tahu bila abang ayah mat meninggal ?
12. Nama ibu abang mat ?
13. Pakcik tahu tak asal ibu abang mat kat mana ?
14. Ibu abang mat bekerja tak pada masa itu ?
15. Abang mat ingat tak arwah ibu tu meninggal bila ?
16. Abang mat ada berapa orang adik-beradik ?
17. Boleh abang mat ceritakan lebih lanjut tentang adik-beradik pakcik ?
18. Abang mat anak ke berapa?
19. Adakah adik-beradik abang mat masih ada lagi ?
20. Dimana dia menetap sekarang?
21. Boleh abang mat ceritakan tentang masa kecil ayah mat ?
22. Siapa nama isteri abang mat ?
23. Pada tahun berapakah abang mat berkahwin ?
24. Sudah berapa tahunkah abang mat berkahwin?
25. Adakah isteri abang mat merupakan gadis pilihan pakcik ?
26. Bila abang mat mula berkenalan dengan isteri pakcik ?

27. Macam mana abang mat berkenalan dengan isteri pakcik ?
28. Berapa umur isteri abang mat sekarang ?
29. Pekerjaan isteri abang mat ?
30. Adakah isteri abang mat berasal dari kampung ini ?
31. Abang mat ada berapa orang anak ?
32. Boleh abang mat cerita tentang anak-anak ayah mat ?
33. Jadi berapa orang lelaki,berapa orang perempuan ?
34. Siapa nama anak-anak abang mat ?
35. Anak-anak abang mat masih belajar atau sudah bekerja?
36. Anak abang mat belajar kat mana?
37. Adakah mereka tinggal bersama abang mat ataupun tidak?
38. Kebiasaannya hari apa yang mereka berkumpul bersama abang mat ?
39. Adakah abang mat sudah mempunyai cucu ?
40. Apa kesukaan abang mat pada masa lapang ?
41. Dimana sekolah pertama abang mat?
42. Kemudian abang mat sambung sekolah menengah dimana ?
43. Selepas itu adakah kesukaan ataupun hobi abang mat ni mengganggu pelajaran ayah mat pada masa itu ?
44. Pada zaman persekolahan adakah abang mat menyertai apa-apa aktiviti ?
45. Boleh abang mat ceritakan tentang pengalaman manis pakcik semasa zaman sekolah ? kalau pakcik masih ingat ?
46. Adakah abang mat pernah mengalami pengalaman pahit ?
47. Boleh abang mat ceritakan keadaan ataupun suasana pada masa tu iaitu pada masa ayah mat bersekolah berbanding sekarang ?
48. Apa sebenarnya yang dikatakan main puteri ?
49. Dari mana sebenarnya asal usul main puteri ini ?

50. Adakah main puteri ini mempunyai nama lain yang biasa di panggil atau lebih dikenali oleh orang kampung atau masyarakat ?
51. Adakah main puteri (ulik mayang) ini mempunyai jenis yang tertentu ataupun tidak?
52. Main puteri ni hanya dikenali di pantai timur sahaja atau tidak ?
53. Sejak bila abang mat menceburi bidang main puteri ?
54. Umur berapakah abang mat ketika itu ?
55. Bagaimana timbul minat abang mat dalam bidang ini ?
56. Siapakah yang memberi sokongan kepada abang mat sepanjang abang mat berada dalam bidang ini ?
57. Adakah adik beradik abang mat juga menceburi bidang ini ?
58. Adakah dia masih ada lagi ?
59. Adakah anak-anak abang mat juga menceburi bidang ini ?
60. Abang mat melakukan main puteri ini secara berkumpulan atau berseorangan ?
61. Adakah abang mat mempunyai kumpulan ayah mat sendiri ?
62. Apakah nama kumpulan abang mat?
63. Jikalau abang mat masih ingat pada tahun bilakah kumpulan abang mat ditubuhkan ?
64. Kumpulan abang mat terdiri daripada berapa orang ?
65. Berapa lelaki dan berapa perempuan ?
66. Berapa umur mereka ?
67. Dimana mereka tinggal ?
68. Bagaimana abang mat mengenali mereka dan menubuhkan kumpulan ayah mat sendiri ?
69. Adakah main puteri ini dikenakan sebarang bayaran ?
70. Berapakah bayaran yang biasa dikenakan ?
71. Adakah abang mat menerima jemputan daripada badan-badan tertentu atau mana-mana pihak?
72. Pada musim apa biasanya abang mat menerima jemputan daripada badan-badan tertentu atau mana-mana pihak ?
73. Kenapa musim tersebut tu ramai orang datang menjemput abang mat untuk melakukan main puteri (ulik mayang) ?

74. Adakah abang mat akan memastikan setiap main puteri (ulik mayang) ini akan dilakukan terlebih dahulu sebelum menerima mana-mana jemputan lain ?
75. Adakah bidang ini mampu memberi pendapatan kepada keluarga abang mat ?
76. Pada pendapat abang mat, adakah bidang ini dikenali oleh masyarakat ?
77. Adakah main puteri dilakukan dalam mana-mana majlis selain daripada untuk perubatan?
78. Daripada pengalaman abang mat, main puteri ini sesuai dilakukan pada waktu mana ?
79. Berapa orangkah yang diperlukan untuk melakukan main puteri ini ?
80. Adakah setiap orang mempunyai peranan mereka tersendiri ?
81. Main puteri ini sesuaikah dilihat oleh golongan kanak-kanak ?
82. Berapa lamakah main puteri ini biasa dilakukan ?
83. Adakah untuk melakukan main puteri ini memerlukan latihan ?
84. Sekerap manakah latihan dilakukan sebelum main puteri sebenar di jalankan ?
85. Apakah tujuan sebenar main puteri ini dimainkan abang mat ?
86. Adakah abang mat melakukan main puteri ini di pantai timur sahaja ?
87. Dimanakah tempat-tempat yang ayah mat pernah melakukan main puteri ini selain daripada kelantan ?
88. Adakah main puteri ini dilakukan dengan iringan muzik ?
89. Alat muzik apakah yang digunakan untuk melakukan main puteri ini ?
90. Muzik jenis apakah yang digunakan abang mat?
91. Siapakah yang memainkan alat-alat ini ?
92. Apakah alat-alat lain yang di gunakan selain daripada alat-alat muzik yang abang mat sebutkan tadi ?
93. Dari manakah abang mat mendapat alat-alat yang digunakan ?
94. Selain daripada peralatan adakah lagi benda lain yang diperlukan untuk menyempurnakan main puteri ini ?
95. Adakah pesakit perlu menyediakan apa-apa untuk melakukan main puteri ini abang mat?

96. Bagaimana pula dari segi pemakaian abang mat, adakah pakaian yang dikhususkan untuk main puteri ini atau pesakit bebas memakai pakaian mereka ?
97. Adakah sebarang pantang larang yang perlu dipatuhi semasa melakukan main puteri ini ?
98. Apakah yang akan terjadi jika pesakit tidak mematuhi pantang larang abang mat?
99. Apakah yang akan dilakukan semasa main puteri ini dilakukan ?
100. Adakah main puteri mempunyai bacaan tertentu seperti jampi serapah dan sebagainya ?
101. Apakah yang perlu dilakukan oleh pesakit setelah selesai semua upacara main puteri di lakukan ?
102. Adakah pesakit akan sembuh sepenuhnya setelah main puteri ini selesai di lakukan ?
103. Jika tidak keberatan bolehkah abang mat berkongsi dengan kami apakah perkara yang pernah di hadapi oleh ayah mat sepanjang abang mat melibatkan diri dengan main puteri ni ?
104. Pernahkah abang mat membuat persembahan yang besar di mana-mana tempat di malaysia ini selain kelantan ?
105. Adakah abang mat pernah mendapat liputan media sebelum ini tentang main puteri ini ?
106. Adakah abang mat pernah mendapat kajian daripada mana-mana pelajar sebelum ini ?
107. Pelajar tersebut dari institusi mana abang mat ?
108. Pernahkah pengalaman abang mat ini dibukukan ?
109. Adakah abang mat pernah mendapat apa-apa sijil yang berkaitan bidang main puteri ini sepanjang penglibatan abang mat ?
110. Siapakah yang menganugerahkan sijil tersebut kepada abang mat ?
111. Jika ayah mat masih ingat pada tahun berapakah abang mat di anugerahkan sijil tersebut ?
112. Apakah perasaan abang mat selepas di anugerahkan sijil itu ?
113. Memandangkan main puteri ini sudah semakin hilang dalam kalangan masyarakat sekarang, adakah abang mat sudi menjadi tenaga pengajar bagi main puteri ini ?
114. Adakah abang mat meletakkan syarat-syarat tertentu kepada sesiapa yang ingin mempelajari main puteri ini ?
115. Boleh saya tahu adakah abang mat mempunyai anak didik ?
116. Dimana mereka tinggal ?

117. Berapakah umur mereka ?
118. Berapa lamakah masa yang abang mat ambil untuk melatih anak didik ayah mat?
119. Pada pandangan abang mat adakah penting untuk anak muda zaman sekarang mempelajari main puteri ini ?
120. Apakah perasaan abang mat terhadap main puteri ini yang semakin hilang dalam kalangan masyarakat sekarang ?
121. Apakah nasihat abang mat kepada mereka yang berminat dalam bidang main puteri ini ?
122. Apakah harapan abang mat terhadap generasi muda sekarang memandangkan bidang main puteri ini semakin hilang ditelan arus zaman ?
123. Pada pendapat abang mat bagaimana nak kekalkan warisan tradisi seperti main puteri ini, makyung, wayang kulit dan lain-lain ?

LOG WAWANCARA

BAHAGIAN A

MASA	PERKARA YANG DIBINCANGKAN	NAMA/TEMPAT YANG DIRUJUK
1.18	Latar belakang tokoh berkaitan cita-citanya	1)Kampung Banggol Yek
10.17	Kehidupan berumahtangga	1) Kampung Banggol Yek 2) Thailand 3) Kampung Tok Uban 4) Universiti Malaysia Pahang 5) Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Bunga
14.51	Latar belakang pendidikan	1) Sekolah Kebangsaan Gual Jedok 2) Sekolah Menengah Kebangsaan Batu Gajah.

BAHAGIAN B

MASA	PERKARA YANG DIBINCANGKAN	NAMA/TEMPAT YANG DIRUJUK
18.10	Pengenalan kepada bidang ini	1) Che Siti Wan Kembang.
21.09	Asal usul bidang ini	1) Kelantan
26.36	Sumber rujukan tokoh dalam mempelajari bidang main puteri ini.	1) Haji Adam, Thailand 2) Haji Ali, Syakirin, Thailand 3) Pok Ya, Lubok Durian, Thailand 4) Pok Wo Ya 5) Usop, Pupok, Thailand. 6) Che Din, Joho, Thailand
28.14	Penglibatan tokoh awal dalam bidang ini	1) Thailand
28.36	Sumber rujukan tokoh dalam mempelajari bidang ini.	1) Tok kasih 2) Pok Nik Ceduk 3) Tok Yakpa, Bukit Tuku, Tanah Merah.
29.20	Penglibatan awal bersama orang lain	1) Saiful Bin Che Moh

30.14	Penglibatan tokoh secara berkumpulan	1) Kumpulan Abang Mat Jedok
32.58	Jemputan untuk melakukan persembahan main puteri ini.	1) Badan Kesenian Negeri Kelantan. 2) Salam Pantai Timur 3) ASTRO 4) Rahimi Din 5) Jamilah Taib
33.49	Tempat yang pernah tokoh melakukan persembahan main puteri ini	1) Pekan, Pahang 2) Istana Budaya Kuala Lumpur 3) Muzium, Kuala Lumpur 4) Terengganu
37.17	Peralatan untuk permainan ini	
40.29	Tempat yang selalu tokoh melakukan persembahan main puteri selain daripada Kelantan	1) Dewan Bahasa dan Pustaka 2) Muzim 3) Universiti Malaya
41.50	Peralatan lain selain dari alat muzik	

43.34	Persiapan awal yang perlu dibawa oleh pesakit	
43.52	Pemakaian tokoh sebelum persembahan	
46.36	Perkara yang akan dilakukan oleh tokoh semasa persembahan ini.	
54.51	Tempat yang selalu tokoh melakukan persembahan main puteri selain daripada Malaysia.	1) Thailand
55.58	Jemputan daripada pihak lain selain daripada Kelantan.	1) Istana Budaya Kuala Lumpur 2) Muzium Kuala Lumpur
56.07	Liputan media daripada mana-mana stesen televisyen.	1) TV 3 2) ASTRO
56.43	Penyelidikan luar daripada pelajar-pelajar	1) Universiti Sains Malaysia
57.18	Pengalaman tokoh untuk dibukukan	1) Professor Harun

57.42	Bentuk penghargaan lain yang pernah tokoh terima.	1) Datuk Norliza, Pengarah kebudayaan Malaysia. 2) Dato' Umar, Naib Cansellor USM.
-------	---	---

Index

A

Abang Mat, 1, 2, 3, 4, 5, 6, 7, 8, 9, 10, 11, 12, 13, 14, 16, 17, 18, 19, 20, 21, 22, 23, 24, 25, 26, 27, 30, 31, 32, 33, 36, 37, 38, 39, 40, 41, 42, 43
Alam, 16
anak, 2, 3, 5, 6, 7, 8, 9, 10, 11, 12, 18, 20, 23, 28, 34, 39, 40, 41
Angin, 32

B

bersajak, 34
bidang, 1, 16, 19, 20, 23, 26, 28, 35, 38, 39, 40, 41, 43
bomoh, 4, 6, 7, 16, 18, 20, 33, 38, 39, 41
bomoh., 4, 6, 7, 20, 39

C

cikgu, 14, 15

D

Dewan Bahasa dan Pustaka, 27, 30, 36, 37
Doktor, 16
dua, 2, 4, 5, 10, 11, 16, 18, 19, 20, 23, 24, 25, 27, 28, 33, 38, 40

E

empat, 2, 5, 6, 9, 16, 20, 25, 35, 38
enam, 2, 6, 25, 28, 29

G

gaya, 18, 33
Gual Jedok, 2, 13

H

hantu., 34
hospital, 16, 41

I

isteri, 8, 9, 10

J

jampi serapah, 32, 33, 35

K

kain, 31
kakitangan, 26, 40, 41
kampung, 2, 3, 5, 6, 7, 8, 9, 18, 26, 27, 29, 31, 35, 38, 39, 42
Kelantan, 1, 2, 4, 5, 16, 18, 22, 26, 27, 29, 30, 37
Kuala Lumpur, 30, 36, 37
kumpulan, 1, 24, 25, 26, 34

M

main puteri, 16, 17, 18, 19, 20, 28, 29, 30, 32, 33, 34, 35, 37, 39, 40, 41, 42, 43
Main Puteri, 1, 16, 22, 23
Malaysia, 11, 12, 22, 36, 37, 38
muzik, 19, 30

P

pantang larang, 31, 32
Pasir Mas, 4, 5, 30
pesakit, 27, 31, 33, 34, 35, 41
pupus, 39

S

saya, 1, 16, 26, 43
sekolah, 12, 13, 14
Sekolah, 11, 12, 13

T

tahun, 1, 2, 3, 4, 6, 9, 10, 20, 21, 22, 24, 25, 36, 38
Tanah Merah, 1, 2, 22
Thailand, 9, 21, 22, 36
tiga, 1, 2, 4, 5, 11, 16, 19, 23, 31, 37, 40
tinggal, 6, 7, 8, 9, 12, 24, 25, 27, 33, 39
Tok Minduk, 33
tujuh, 2, 3, 6, 7, 8, 20, 21, 22, 24, 36, 38

U

Uri, 16

W

wajib, 34, 35
Wayang Kulit, 16

RUJUKAN

Che Mohd Zailani Bin Che Moh (wawancara, 17 October, 2013). *Wawancara berkaitan pngalaman beliau sepanjang penglibatan dalam seni warisan main puteri*. Diwawancara oleh Masidayu bt Fazil. Tanah Merah : Kelantan

Rajah 3



Rajah 4



Rajah 1



Rajah 2



MASIDAYU BT FAZIL

12 November 2013

Melalui,

Puan Nor Kamariah Bt Chik,

Pensyarah,

Fakulti Pengurusan Maklumat, Kampus Machang Kelantan,

Universiti Teknologi Mara,

Bukit Ilmu, 18500 Machang,

Kelantan.

Kepada:

Che Mohd.Zailani bin Che Moh

Tuan,

MEMOHON KEBENARAN MENEMURAMAH

Sukacitanya perkara diatas dirujuk.

2. Ada dimaklumkan bahawa saya adalah pelajar dari fakulti pengurusan maklumat ingin menemuramah tuan bagi memenuhi keperluan kursus Pendokumentasian Sejarah Lisan. Melalui pengajian awal, saya mendapati bahwa tuan mempunyai banyak pengalaman dalam seni warisan main puteri.

3. Saya berharap dengan temuramah ini, dapatlah saya dan pihak fakulti mengetahui dengan lebih mendalam lagi tentang latar belakang tuan dan peristiwa-peristiwa pahit serta pengalaman-pengalaman yang tuan lalui sepanjang menceburi bidang ini. Di atas penglibatan dan pengalamn tuan itulah yang membuatkan saya memilih untuk menemuramah tuan.

4. Segala keprihatian dan kerjasama dari pihak tuan amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian terima kasih.

Yang Benar

.....

(Masidayu Bt Fazil)



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

Machang, Kelantan

PERJANJIAN MENGENAI SEJARAH LISAN

Syarat-syarat mengenai wawancara yang telah diadakan antara Universiti Teknologi MARA dengan

Pada

1. Pita rakaman hasil wawancara yang tersebut di atas adalah diserahkan kepada Universiti Teknologi MARA untuk disimpan buat selama-lamanya.
2. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA akan mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu untuk memelihara pita rakaman ini.
3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip pita rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh pengkisah (interviewee).
4. Pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada sernua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negeri yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah tanpa syarat-syarat / dengan **syarat**: -

Apabila petikan diambil dari pita rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll., sumbernya hendaklah diakui oleh penyelidik-penyelidik.

5. Adalah dipersetujui bahawa pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada penyelidik-penyelidik dalam dan luar negeri mulai dari (tarikh). Dipersetujui pada oleh kedua pihak yang berkenaan.

.....
Pengkisah (interviewee)

Che Mohd Zailani Bin Che Moh

.....
Dr. Hj. Ghazali Bin Osman
Ketua Pusat Pengajian
Pengurusan Maklumat, Sains
Pentadbiran & Pengajian Polisi
Dan Pengajian Undang-Undang
UiTM Cawangan Kelantan.